



Tarikh : 28/02/2021

KENYATAAN SEBUTHARGA
(TAWARAN KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang beralamat di Jajahan Tanah Merah serta berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

Bil.	Tajuk Kerja	Taraf / Jenis Syarikat	Kelas	Kepala / Sub Kepala	Tarikh Tutup
1	Menyelenggara Jalan Repoh Jagung Ke Padang Lalang, Tanah Merah No. Sebutharga: PJTM (P) 103/3/SH1/2021	Khas Bumiputera	G1	CE 21	15/03/2021 (AHAD)

2. Pendaftaran kontraktor adalah melalui atas talian dengan membuat pendaftaran di laman web Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah iaitu <http://www.ptjtm.kelantan.gov.my>. Taklimat projek serta skop kerja Sebutharga boleh diperolehi menerusi capaian tersebut bermula pada **07/03/2021 jam 12.01 pagi hingga 08/03/2021 jam 11.59 malam**. Pendaftaran sebelum dan selepas tarikh serta masa yang ditetapkan **TIDAK** akan diterima. Lawatan tapak **TIDAK DIWAJIBKAN**.

3. Hanya kontraktor yang membuat pendaftaran dan memenuhi kriteria sahaja layak untuk membeli dokumen sebutharga. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada penama syarikat dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) / Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (***Sila bawa bersama Sijil Asal semasa pembelian dokumen**).

4. Kontraktor yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendaki membuat bayaran berjumlah **RM 30.00 (Ringgit : Tiga Puluh Ringgit Sahaja)** setiap Sebutharga kepada Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah bermula **10/03/2021**.

5. Dokumen Sebutarga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul yang ditulis Nombor Sebutarga, Nama Sebutarga serta tarikh tutup dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutarga selewatnya pada **15/03/2021 sebelum 12.00 tengahari** di Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah, Kelantan.

Sekian, terima kasih.

**** RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT ****
**** MEMBANGUN BERSAMA ISLAM – KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN ****

Saya yang menjalankan amanah,

(SOFIAN AMIR BIN CHE SOH)

Ketua Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan)

KETUA JAJAHAN TANAH MERAH

s/k : YABrs. Ketua Jajahan – Untuk Makluman Tuan
Fail - Sebutarga